

# Kelonggaran Kemasyarakatan Yang Berbahaya

---

Dengan adanya masyarakat kita beraneka ragam dan mempunyai susunan yang berlainan antara setengah dengan setengahnya timbullah rasa kelonggaran antara anggota-anggotanya. Keadaan ini dapat kita saksikan di bandar-bandar yang di dalamnya keadaan, kepentingan dan asas hidup manusia berlainan antara seorang dengan lainnya; meskipun mereka mungkin hidup bergesel bahu. Masing-masing membuat perisai tak tahu menahu dan masing-masing penuh dengan kesulitan-kesulitannya hingga tiada masa dan perhatian yang dapat diberikannya kepada jirannya, rakan hidupnya dan kenalannya.

(Oleh: Zulkifli Muhammad)

Keadaan ini bertambah buruk apabila kita arahkan pandangan kita kepada masyarakat kita yang masa ini tiada kuat pengikat perhubungannya. Manusia dalam masyarakat adalah seperti bata-bata suatu bangunan yang berkuat dengan simen antara satu sama lainnya. Tiada bangunan dapat tegak kalau hanya bata-bata itu disusun bertingkat-tingkat dengan tiada simen pengikatnya. Begitu jua halnya dengan masyarakat manusia yang takkan dapat tegak sekiranya tiada suatu penyambung hidup anggota-anggotanya.

Menurut ilmu kemasyarakatan, yang merapatkan ikatan manusia itu ialah sesuatu yang didapati atau dirasai mereka bersama. Ini mungkin berupa kepentingan bersama atau perasaan sama atau pun keduanya sekali. Sebagai contohnya kita dapat melihat betapa rapat dan eratnya perhubungan antara anggota-anggota sesuatu keluarga apabila menghadapi sesuatu ancaman terhadap mereka sekalian dan antara pekerja-pekerja di sesuatu tempat apabila mereka sama-sama diancam majikannya. Hinggakan penumpang-penumpang bas yang tiada kenal mengenal itupun perhubungannya rapat kalau bas itu rosak di tengah hutan yang dikelilingi pegganas-pegganas umpamanya.

Oleh kerana kepentingan bersama dan perasaan bersama adalah asas bagi kekukuhan perhubungan antara manusia itu maka kerap terdapat manusia yang tiada hidup bersama itu mempunyai ikatan batin yang kuat sekiranya

didapati kepentingan atau perasaan bersama itu antara mereka.

Sebaliknya manusia yang hidup berdekatan pula tiada hirau menghirau kerana berlainan kepentingan dan perasaan mereka. Perlainan yang disebutkan itu tidak mesti berupa pertentangan atau berlawanan.

Sebarang perlainan dalam kepentingan atau perasaan sudah cukup bagi melonggarkan perhubungan manusia dan jika ia itu meningkat kepada pertentangan maka perhubungan itu akan terputus.

Hal ini boleh kita susur lebih jauh. Di mana ada perasaan sama tetapi tiada kepentingan bersama maka terdapatlah pergolakan dan tolak tarik yang buruk antara perasaan dan kepentingan seseorang. Oleh kerana perasaan itu di dalam jiwa manusia dan menghayatinya tiada payah kerana cukuplah dengan membuat helah-helah dan dalih-dalih maka selalunya kepentinganlah yang menang dalam pertarungan itu. Ini dapat diperhatikan di mana-mana dan dalam apa-apa pun. Dalam memenangkan kepentingannya itu manusia banyak bertopengkan akalunya dan dapat merupakan kemenangan kepentingannya itu seolah-olah tiada mengalahkannya perasaannya.

Kesimpulannya, kepentingan dan perasaan bersama adalah penting bagi kekuatan masyarakat manusia. Dalam masyarakat yang terdapat perbezaan dan pertentangan kedua-duanya

itu maka tiada hairan anggota-anggotanya, walaupun bersama badannya, berpecah jiwanya. “*Taḥsabuhum jamī’an wa qulūbuhum shattā*”.

Oleh kerana itulah Islam menegaskan bahawa apabila seseorang itu menjadi Islam maka ia mendapat hak yang sama dan tanggungjawab yang sama dengan umat Islam seluruhnya. Orang-orang Islam menurut Nabi kita *ṣallāllahu ‘alaihī wasalam*, adalah seperti satu bangunan yang setengah pihaknya menguatkan pihak lainnya. Ini adalah satu falsafah kemasyarakatan yang kukuh dan erat dan dengan dasar itulah Islam menjamin kekuatan masyarakatnya.

Kekukuhan masyarakat Islam bukanlah hanya mempunyai tapak yang kuat itu sahaja bahkan di atas itu terdiri pula rukun kemasyarakatan yang kuat iaitu “*Innamā al-mu’minūna ikhwah*”. Orang Islam adalah saudara seorang Islam lain, dia tiada menganiayainya, tiada mengecewakan dan harta dan kehormatannya adalah terpelihara. Inilah kelakuan hidup yang menjadi tiang hidup masyarakat Islam yang diikatkan dengan simen persaudaraan yang sempurna.

Bukanlah hanya perasaan menjadi pengikat masyarakat Islam. Sekuat mana pun perasaan iaitu ada pasang surutnya dan ada kembang kuncupnya. Berasas itu Nabi Muhammad *ṣallā Allahu ‘alayhi wa sallam* menggambarkan bahawa kepentingan adalah juga asas masyarakat Islam yang kuat. Ia mengatakan bahawa masyarakat manusia itu adalah seperti penumpang-penumpang bahtera yang masing-masing mendapat tempatnya di dalamnya. Meskipun masing-masing bertempat dan boleh berbuat sesuatu di petak yang diuntukkan kepadanya, ia tiadalah boleh memecah tempatnya kerana sebarang lubang yang diperbuatnya amat akan menyebabkan orang lain sama tenggelam apabila bahtera itu tenggelam dengan sebab lubang itu. Jadi dalam masyarakat Islam kepentingan manusia itu adalah kait mengait antara satu sama lainnya.

Dengan kait mengait itulah maka Allah berfirman: “*Wa ittaqū fitnatan lā tuṣībanna alladhīna ḡalamū minkum khāssah*” – Dan takutilah fitnah atau bala yang bukan akan hanya mengenai mereka yang salah dari kamu sahaja. Itu adalah meletakkan dasar kepentingan bersama bagi masyarakat Islam yang memberi kekukuhan perhubungan anggota-anggotanya. Dari dasar ini timbullah kaedah “*Al-amr bi al-ma’rūf wa al-nahy ‘an al-munkar*”. Oleh kerana kepentingan hidup manusia itu adalah berhubung-hubung dan sama maka mereka terpaksa bertolong-tolong dalam kawal mengawal dan perhati memerhati antara satu dengan lainnya sebab sebarang kesalahan dari seorang anggota masyarakat itu akan membawa akibatnya melarat kepada rakannya.

Nabi kita ada bersabda “Demi sesungguhnya kamu hendaklah menyuruh orang berbuat kebajikan dan menegah mereka dari kejahatan – atau, jika tiak dibuat begitu, maka sesungguhnya akan diberi kuasa oleh Allah akan orang yang jahat atas kamu dan ketika itu orang-orang baik berdoa meminta rahmat Tuhan maka tiada diperkenankan baginya”. Perhubungan anggota-anggota masyarakat tak dapat diputuskan dalam ertikata kesan mengesan antara perbuatan-perbuatan mereka. Maka untuk kepentingan tiap-tiap seorang hendaklah tiap-tiap orang lain berjalan baik. Itulah mewajibkan nasihat menasihati, tunjuk pandu dan beringat antara manusia yang diwajibkan Islam.

Malangnya pada masa-masa yang akhir ini hal ini – yakni hal kekukuhan masyarakat Islam dengan nasihat menasihati dan menyeru kepada kebajikan – telah lemah benar dalam masyarakat kita. Sebaliknya sebarang pencubaan ke arah itu sudah mula difahamkan orang berlawanan dengan kaedah hak manusia berlaku sekehendaknya selama ia tiada mengganggu orang lain.

Dari pandangan Islam, ini adalah kelonggaran kemasyarakatan yang sangat berbahaya, sebagaimana dijelaskan

di atas, tiada perbuatan buruk manusia di petak hidupnya yang tiada membawa akibat kepada orang lain. Semuanya adalah kait mengait. Maka bagi kepentingan dirinya dan kepentingan masyarakatnya dia hendaklah diingatkan, ini jauh dari mengganggu haknya berlaku secara yang membawa keuntungannya. Ya! Mungkin ada orang yang mengatakan dia boleh berbuat apa-apa yang disukainya dan masyarakat tiada berkuasa atasnya. Ini boleh dikatakan begitu sekiranya ia tiada berhajat pada dan berhubung dengan masyarakat dari mula hingga ke akhirnya; yang mana tiada didapati pada seorang pun.

Jadi, adalah mustahak bagi kita mengukuhkan masyarakat kita dengan menyuburkan rasa tahu menahu dan kait mengait antara anggota-anggotanya. Oleh kerana kedua-dua kepentingan bersama dan perasaan sama itu telah pun ada dalam kalangan kita maka yang masih mustahak dikuatkan ialah rasa bersama yang erat dan pekerjaan-pekerjaan yang bersatu yang mana adalah tangga utama dalam kekuatan masyarakat kita.

Menurut Quran, kaum Bani Israil telah dikutuk Tuhan kerana mereka tak suruh menyuruh dengan kebaikan dan tidak tegah menegah dari kejahatan. Sebenarnya menurut falsafahnya “*Al-amr bi al-ma‘rūf wa al-nahy ‘an al-munkar*” itu bukanlah suatu dasar mencabul hak orang lain bagi berbuat menurut kehendaknya. Sebaliknya iaitu satu rasa yang sangat rapat dan kasih sayang yang tinggi antara anggota masyarakat yang dengannya tiap-tiap seorang itu sama merasa dan mengambil berat atas apa yang diperbuat saudaranya. Ini akan menimbulkan jaminan hidup saksama dan bijaksana kepada sekalian anggota

masyarakat manakala iaitu berjalan dengan baiknya.

Dari itulah Islam telah memenangkan dasar “*Al-amr bi al-ma‘rūf wa al-nahy ‘an al-munkar*” itu di atas kaedah “*Lā yaḍurrukum min ḍallin idhā ihtadaytum*” yang bererti “Tiada apa mudaratnya orang-orang yang sesat itu pada kamu apabila kamu sendiri telah mendapat pertunjuk”, sebab cara hidup seperti itu adalah tiada bertenaga (negatif) yang berlawanan dengan asas hidup Islam. Lebih dari itu, cara itu akan melonggarkan masyarakat Islam yang mempunyai kesatuan hidup seperti yang disebutkan Quran dan hadis itu.

Orang-orang Islam janganlah terburu-buru memakai kaedah “manusia bebas berlaku sekehendaknya” yang terbit di Barat itu kerana bahayanya sangat besar dan akibatnya sangat buruk. Lebih iaitu tiada sesuai dengan roh Islam yang meletakkan persaudaraan yang mendalam di antara manusia dalam hidup mereka.

---

## KEBUDAYAAN ISLAM

Sambungan dari muka 19

pula bagi membunyikan perkataan-perkataan Melayu. Usaha ini berjaya juga tetapi jika akan dibandingkan dengan tulisan Melayu yang setengah orang menyebut tulisan Jawi itu amatlah jauh sekali. Demikian bahasa Melayu dan tulisannya adalah mendapat nilai yang tinggi dalam kebudayaan Melayu. Sebarang usaha memelihara, melengkap dan menyempurnakan adalah usaha-usaha yang mulia bagi memelihara kebudayaan Melayu.